

14 MAY 2001

Vajpayee-M'sia

M'SIANDIA HARUS LANGKAUI KERJASAMA DALAM BIDANG TRADISIONAL

PUTRAJAYA, 14 Mei (Bernama) -- Malaysia dan India harus memanfaatkan potensi dalam pembangunan infrastruktur dan teknologi berasaskan pengetahuan untuk bekerjasama melangkaui bidang-bidang tradisional, kata Perdana Menteri India Atal Behari Vajpayee.

Beliau berkata, dalam konteks ini, Malaysia boleh membina lebih raya di India sementara India boleh membina lebih banyak landasan kereta api di Malaysia.

Beliau berkata kedua-dua negara harus cuba memaksimumkan penggabungan antara kepakaran perisian India dan keteguhan industri pengeluaran perkakasan Malaysia.

Bagaimanapun, beliau menarik perhatian bahawa kemajuan mapan dalam industri berasaskan ilmu pengetahuan ini bergantung kepada pendidikan dan melatih belia dan beliawanis.

"India gembira untuk berkongsi kepakarannya dalam bidang profesional dan pendidikan teknikal dengan Malaysia demi kepentingan bersama," kata beliau dala ucapan pada majlis jamuan meraikan beliau yang diadakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Seri Perdana, di sini malam ini.

Vajpayee berkata India sekarang ialah antara sepuluh ekonomi yang pesat membangun di dunia dan ekonomi yang keempat terbesar dalam konteks kuasa membeli.

"Proses pembaharuan ekonomi yang digerakkan satu dekad lalu telah mewujudkan banyak peluang bagi perdagangan, perniagaan dan pelaburan."

"Saya gembira kerana Malaysia sudahpun menjadi rakan perdagangan terbesar India dalam Asean," kata beliau.

Vajpayee berkata India berhasrat untuk membina struktur yang kukuh berlandaskan persefahaman yang lama terjalin dengan Malaysia berasaskan interaksi antara rakyat dengan rakyat dalam setiap bidang dan seterusnya memperkukuhkan kerjasama ekonomi dalam bidang-bidang lama dan baru.

-- BERNAMA

RV MHI NZ FAZ